



Edisi Mac & April 2009

# Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KANDUNGAN

- LAWATAN TUN CANSELOR KE KAMPUS INDUK UTeM  
UTeM TUBUH FAKULTI PENGURUSAN  
TEKNOLOGI DAN TEKNOSAHAWANAN  
PENSTRUKTURAN SEMULA PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI  
UTeM SERTAI FORUM MTUN BERSAMA INDUSTRI  
KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA) KE PEJABAT  
TUN CANSELOR UTeM  
TAKLIMAT PERDANA PINDAAN AKTA  
UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (AUKU) 1971  
KEMEN KESELAMATAN JALAN RAYA UTeM  
KURSUS PRA PERKAHWINAN UTeM 2009  
PROGRAM JOM MASUK U DI MELAKA  
UTeM MENANDATANGANI MoU DENGAN  
ADVANCE PACT SDN. BHD. DAN  
MELAKA BIOTECH HOLDINGS SDN. BHD.  
CERAMAH INDUSTRI (IN-TALK MARCH 09)  
LAWATAN PENYELIDIKAN UTeM KE  
SEK. MEN. TAMAN SERAYA, AMPANG  
PERARAKAN MAJIS SAMBUTAN  
MAULIDUR RASUL 1430H  
CERAMAH SEMPENA MAJIS SAMBUTAN  
MAULIDUR RASUL 1430H  
LAWATAN MAJIS PEMUAFAKATAN  
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU  
DAERAH MELAKA TENGAH (MAPIM) KE UTeM  
MAJIS MAKAN MALAM BERSAMA MEDIA  
PRODUK PENYELIDIKAN UTeM DAPAT PENGIFTIRAFAN  
DI PERSIDANGAN IKS BUMIPUTRA 2009  
KEM UNIVERSAL SIRI KE-6  
KEJOHANAN OLAHRAGA ANTARA JABATAN  
REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR


## EDITOR BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :  
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF

PENOLONG KETUA EDITOR :  
FARADILA BINTI MD. YUSOF

WARTAWAN :  
RUZAIMAH BIN ABDUL RAHMAN  
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN  
MAHATHIR BIN MAZIZAN

GRAFI  
AZIZA  
SURIA  
  
JURUF  
MD. N  
NURUL  
MOHD  
  
PENG  
AL RO  
  
URUS  
AZLINAH BINTI AHSIS  
azlinah@utem.edu.my



**7 April 2009** – Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob yang juga Tun Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melakukan lawatan di sekitar Kampus Induk Universiti Teknikal Durian Tunggal bagi meninjau proses pembangunan kampus dan infrastruktur yang sedang dilaksanakan ketika ini.

Dalam sesi lawatan ini beliau telah diberikan taklimat oleh Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Aset UTeM, Puan Hajah Noraida Attan sebelum melawat sekitar Kampus Induk dengan diiringi Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan pegawai-pegawai kanan universiti. Turut serta dalam sesi lawatan ini ialah Pro Canselor, Tan Sri Dr. Johari bin Mat dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Mohd. Taib bin Hashim.

bersambung di muka surat 03

## UTeM TUBUH FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOSAHAHAWANAN

**19 Mac 2009** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menubuhkan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknosaahawan (FPTT). Kementerian Pengajian Tinggi melalui suratnya yang bertarikh 4 Februari 2009 telah bersetuju untuk meluluskan permohonan universiti ini untuk menubuhkan fakulti tersebut bermula tahun 2008.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, fakulti baru ini akan mula menawarkan program akademik sulungnya pada sesi pengajian Jun 2009/2010. Antara program akademik yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Teknosaahawan dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Inovasi Teknologi) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi). Tempoh pengajian bagi semua program ini adalah selama empat tahun atau lapan semester.

UTeM ketika ini menawarkan program pengajian dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat. Dengan penubuhan FPTT, UTeM melangkah setapak lagi dengan menawarkan program akademik dalam bidang pengurusan pula.

## UTeM SERTAI FORUM MTUN BERSAMA INDUSTRI

Oleh : Ruzaiman Abd Rahman

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Forum Malaysian Technical University Network (MTUN) bersama Industri pada 15 April 2009 yang lalu di Hotel Eastern & Oriental (E&O) Pulau Pinang. Forum anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ini adalah yang kedua setelah UTeM menjadi tuan rumah pada tahun lepas. Turut hadir pada forum ini adalah Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Antara objektif pengajuran forum ini adalah untuk mempromosi MTUN yang terdiri daripada universiti teknikal iaitu UTeM, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai universiti awam yang boleh memberi perkhidmatan dan produk kepada industri, mengenal pasti peluang dan kerjasama bersama universiti dan industri, berkongsi pengalaman dan kepakaran mengenai program yang dijalankan oleh universiti dan akhirnya mendapat maklum balas serta memperbaiki dari segi pengajaran dan kurikulum mengikut kehendak industri masa kini.

Mantan Menteri Pelajaran Malaysia Y. Bhg. Tan Sri Musa Dato' Seri Musa bin Mohamad telah menyampaikan ucaptama yang bertajuk "Who are you? -Establishment of University Colleges in Malaysia: History and Purposes".

Antara lain beliau berkata matlamat asal penubuhan Gabungan Rangkaian Universiti Teknikal (MTUN) tetap tidak berubah walaupun telah dinaikkan taraf menjadi universiti penuh daripada Kolej Universiti. Menurut beliau, keempat-empat universiti teknikal ini harus meneruskan misi dan visi asal penubuhan dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai kelulusan khusus dengan kehendak industri.


"Misi universiti di awal penubuhan adalah sangat jelas iaitu melahirkan graduan atau jurutera yang menumpukan kepada bidang-bidang teknikal baru mengikut modul dan sukanan pelajaran yang terkini sejajar dengan perkembangan teknologi, justeru, itu adalah tidak wajar sekiranya kumpulan universiti ini hilang fokus dan beralih ke bidang-bidang lain yang telah ditawarkan dengan menyeluruh di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lainnya," kata beliau.

Seramai 300 orang peserta yang terdiri dari pensyarah universiti serta wakil-wakil pihak industri dan wakil-wakil alumni universiti telah hadir di forum ini.

## PENSTRUKTURAN SEMULA PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI

**18 Mac 2009** - Pihak pengurusan universiti telah membuat penstruktur semula Pusat Universiti Industri (UNIC) kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM). Perubahan nama baru ini akan memudahkan pengurusan penyelidikan dan inovasi yang terdiri daripada pelbagai bidang teras UTeM agar seiring dengan perkembangan dan transformasi pengajian tinggi Negara yang pesat serta perluasan dalam bidang ilmiah universiti. Berdasarkan perkembangan universiti, CRIM diwujudkan bertujuan untuk memantapkan lagi operasi dan pengendalian serta pemantauan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersilan, Enterpiris dan Taman Inovasi. Bagi mengetuai operasi CRIM ini, Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi telah dilantik sebagai Pengarah CRIM.

UTeM juga turut menubuhkan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (ICNet) yang diletakkan di bawah pentadbiran Canselor. Penubuhan ICNet pula adalah bertujuan untuk memantapkan lagi proses operasi dan pengendalian hubungan di antara universiti dengan pihak industri dan masyarakat sejajar dengan perkembangan ekonomi dunia yang sedang menuju ke arah persaingan berdasarkan ilmu.



PERPUSTAKAAN  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

38312

05 JUN 2009

LG173.M44 .B47 2009 Mar-Apr

sambungan dari muka surat 01



Menurut Prof. Dr. Ahmad Yusoff, warga UTeM berasa amat gembira kerana Tun Canselor sendiri turun ke padang untuk melihat dengan lebih dekat perkembangan universiti. Secara keseluruhannya, Tun Canselor berpuas hati dengan aktiviti pembangunan yang sedang dilaksanakan dan berharap ia akan berjalan lancar. Beliau meminta agar pihak universiti akan dapat meningkatkan kerjasama pintar dengan pihak industri terutamanya dalam bidang berteknologi tinggi terutamanya dalam bidang aeroangkasa supaya dapat memartabatkan peranan universiti dalam aspek teknikal secara lebih tepat.

Ketika ini proses pembangunan sedang giat dilakukan bagi pembinaan masjid, dewan besar dan kompleks kilang pembelajaran yang dijangka boleh digunakan dalam masa terdekat. Dewan Besar yang sedang dibina dengan kos RM20 juta itu akan dapat memuatkan lebih 4,000 orang pada satu-satu masa. Dengan siapnya dewan ini nanti, UTeM tidak perlu menyewa tempat lain untuk mengadakan majlis universiti seperti majlis konvolesyen yang membabitkan perbelanjaan yang besar.

Manakala kompleks kilang pembelajaran pula dibina dengan membabitkan kos RM 30 juta dijangka akan siap pada akhir bulan Mei. Struktur pembinaan kompleks ini adalah tahan lasak agar ia sesuai untuk meletakkan pelbagai peralatan berteknologi tinggi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kompleks kilang pembuatan ini adalah keistimewaan yang terdapat di UTeM kerana ia adalah platform interaksi antara universiti dengan industri secara langsung agar kedua-dua pihak dapat bekerjasama dalam meningkatkan bidang perindustrian Negara.



Masjid pula dijangka siap pada akhir bulan September yang menelan kos RM15 juta bagi memberi kemudahan bagi warga UTeM yang beragama Islam untuk beribadah tanpa perlu pergi ke tempat lain.

Kata Prof. Dr. Ahmad Yusoff lagi Pelan Strategik 2009-2010 UTeM juga telah dibentangkan kepada Tun Canselor semasa sesi taklimat yang mengandungi matlamat dan hala tuju UTeM bagi tempoh dua tahun serta kelebihan dan perbezaan yang terdapat di UTeM agar boleh dimanfaatkan demi kemajuan universiti.

Prof. Dr. Ahmad Yusoff kemudiannya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembangunan UTeM ini kerana ia telah dilaksanakan dengan baik. Beliau berasa amat berbangga kerana kampus yang didirikan ini cantik dan kondusif, sesuai dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan di sini.

## KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) KE PEJABAT TUN CANSELOR UTeM




**11 Mac 2009** – Satu lawatan kunjung hormat oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain ke pejabat Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob yang juga Canselor UTeM telah diadakan pada pagi ini.

Lawatan tersebut adalah sebagai tanda perkenalan Dato' Prof. Dr. Mohd Nor yang telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 yang lalu.

Pada majlis tersebut turut disertai oleh Pendaftar UTeM, Encik Hasan Bin Sirun. Kunjungan rombongan UTeM pada jam 10.30 pagi itu berakhir pada kira-kira jam 12.00 tengahari.

كل ماليسيَا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## TAKLIMAT PERDANA PINDAAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (AUKU) 1971

Oleh : Bob Faizeli Mohamed Din

**10 April 2009** – Bertempat di Grand Ballroom Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, telah berlangsungnya Taklimat Perdana Pindaan Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Taklimat ini dilangsungkan di dalam dua sesi iaitu sesi pagi untuk para Pegawai dan kakitangan UTeM dan sesi sebelah petang pula untuk wakil pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Fakulti, Kelab dan Persatuan.

Turut hadir pada sesi taklimat untuk Pegawai dan kakitangan UTeM ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Naib Canselor UTeM, Pegawai-pegawai Kanan universiti serta semua staf. Taklimat yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar ini disampaikan oleh Y. Bhg. Prof Dr. Shaik Mohd Noor Alam Bin SM Hussin selaku Ahli Jawatankuasa Menyemak Dan Mengkaji AUKU 1971 dan dipengerusikan oleh En. Azhar Bin Mohamed, dari Bahagian Perundungan.

Di dalam ucapan aluannya Prof. Dr. Ahmad Yusof mengharapkan agar kefahaman yang jelas terhadap AUKU yang asal serta pindaannya dapat menambah baik serta memantapkan pentadbiran universiti. Beliau juga melahirkan harapan agar semua pihak dapat mengoptimumkan serta memaksimumkan peluang yang terbit daripada pindaan akta ini.

Sementara itu, menurut Y. Bhg. Prof Dr. Shaik Mohd Noor Alam Bin SM Hussin dalam taklimatnya menyatakan bahawa pindaan ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengemas kini dan menambah baik peruntukan perundangan berkaitan dengan sistem tadbir urus, kebijakan pekerja dan pelajar universiti dan kolej universiti awam di negara ini. Menurut beliau, pindaan akta ini adalah berteraskan pendemokrasi, tadbir urus yang telus, keadilan dalam prosedur disiplin, kenaikan pangkat dan pembaharuan serta penghapusan unsur jenayah dalam kesalahan disiplin.

Tambah beliau lagi, pindaan ini juga bertujuan meletakkan IPTA di dalam ranking dunia serta memastabatkan institusi pendidikan tinggi negara seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini.

Taklimat ini diakhiri dengan sesi soal jawab yang menyaksikan beberapa soalan dari kalangan kakitangan akademik telah diajukan kepada penceramah. Majlis berakhir pada jam 12.30 tengahari.

## KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA UTeM 2009

Kempen Keselamatan Jalan Raya (KKJR) UTeM 2009 telah berlangsung dengan jayanya selama 10 hari bermula 23 Februari hingga 4 Mac 2009. Ia merupakan program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (UTeM) dengan kerjasama JKML, MPP, JAKSIS, UTeM Bikes, Kelab Debat dan mahasiswa/i UTeM.

Objektif utama kempen ini adalah menyedarkan mahasiswa dan kakitangan UTeM tentang keselamatan jalan raya, membimbang mahasiswa menghargai diri dan menanamkan semangat jati diri dalam jiwa mereka, membantu pihak berkuasa menjayakan program 'zero' kemalangan seterusnya meningkatkan motivasi dalam diri mahasiswa.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang kempen ini berlangsung seperti tayangan video, servis kenderaan dari Ban Zen Motor, Pameran Sekolah Memandu MSDC, Pameran Insurans Dari MAA Insurance dan Takaful Malaysia, Pameran JKJR, Pelepasan Konvoi, Kempen Derma Darah, Ceramah Polis, Pemberian 'Goodies' untuk warga UTeM dan sebagainya.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B En. R. Perumal, Exco Kerajaan Negeri, Pengurus Jawatankuasa Negeri, Pengangkutan, Penerangan dan Pengguna dan turut dimeriahkan dengan upacara konvoi beramai-ramai iaitu sebanyak 500 buah motosikal yang terdiri daripada 1000 orang pelajar UTeM yang bermula dari Kampus Industri ke Kampus Induk. Perjalanan konvoi ini dibantu oleh lima orang anggota dari Unit Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka dan 'marshal' dari UTeM Bikes seramai 30 orang.



## Kursus Pra Perkahwinan UTeM 2009

**4 & 5 April 2009** : Exco Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 08/09 dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pusat Islam, BADAR dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan UTeM 2009 bertempat di Auditorium UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal. Kursus ini telah berlangsung selama dua hari dimana iaanya disertai seramai 150 orang yang terdiri daripada kalangan warga UTeM (pelajar dan staf) dan juga masyarakat luar.

Tujuan utama penganjuran Kursus Pra Perkahwinan ini adalah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga UTeM dan masyarakat luar mengenai kepentingan perkahwinan di dalam Islam seterusnya memberikan persediaan sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan supaya keluarga yang dibina beroleh rahmat daripada Allah S.W.T.

Penceramah jemputan telah diundang bagi menjayakan kursus tersebut. Antara tajuk yang disampaikan iaitu mengenai perkara-perkara asas di dalam Islam seperti bab akidah, ibadah, akhlak, perkahwinan dan prosedur, hubungan dalam keluarga, dan pengurusan kewangan dan masa, komunikasi antara suami dan isteri, pengurusan stress dan konflik serta rundingcara di Jabatan Agama Islam Negeri, pengurusan kesihatan, dan pembubaran perkahwinan.

Pada hari pertama, taklimat kursus telah disampaikan oleh Y. Bhg. En. Yazid Bin Palal, Pengurus MAIM Bentara Sdn. Bhd. Manakala, majlis perasmian penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM.



## PROGRAM **JOM MASUK U** DI MELAKA

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 (KPTN) di MITC, Ayer Keroh Melaka pada 14 dan 15 Mac 2009 mulai jam 9 pagi hingga 5 petang. Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.



Program ini merupakan satu usaha dan komitmen bersepada diantara KPT dan KPM untuk menyebarluaskan maklumat-maklumat yang tepat dan terkini mengenai peluang-peluang pengajian tinggi di Malaysia, Akredetasi dan pembiayaan pengajian tinggi.

Karnival ini telah diadakan sejak tahun 2005 dengan menggunakan nama "Jom Masuk U" dan tema untuk tahun ini ialah "Kecemerlangan Pendidikan Berteraskan Pembangunan Modal Insan". Melaka adalah tuan rumah bagi Zon 5 dari lapan zon yang telah dibahagikan di seluruh negara. Sebelum ini karnival telah berlangsung di PWTC Kuala Lumpur, Kangar Perlis, Kota Kinabalu Sabah dan Kuantan Pahang. Selepas di Melaka, karnival akan menjelajah ke Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Kuching Sarawak dan berakhir di Johor Bahru, Johor.

Antara matlamat karnival ini ialah sebagai pusat sehenti (one stop centre) bagi memberi maklumat yang tepat dan terkini bagi senarai program yang ditawarkan di IPTA dan PTS serta badan-badan kerajaan lain, menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke IPTA yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% ko-kurikulum, menerangkan kaedah pemarkahan kokurikulum berdasarkan sekolah yang diselaraskan oleh KPM bagi permohonan kemasukan ke IPTA dan akhirnya mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai dasar dan prosedur permohonan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang dua hari karnival berlangsung ialah pameran pendidikan oleh 20 buah IPTA, beberapa buah PTS dan institusi lain seperti Politeknik, Kolej Komuniti, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Bahagian Matrikulasi, Khidmat kaunseling, permohonan aplikasi dalam talian disamping kuiz serta cabutan bertuah dan forum mengenai peluang pengajian tinggi.

Semua masyarakat seperti ibu bapa, pelajar-pelajar serta calon lepasan SPM, STPM, Institusi pengajian di Melaka, Negeri Sembilan serta negeri-negeri berhampiran telah dijemput datang bagi mendapatkan maklumat mengenai pengajian tinggi negara.



## UTeM MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN ADVANCE PACT SDN. BHD. DAN MELAKA BIOTECH HOLDINGS SDN. BHD.



Satu persetujuan menandatangani MoU di antara tiga pihak iaitu antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan Advance Pact Sdn. Bhd. dan Melaka Biotech Sdn. Bhd. telah diadakan pada 28 April 2009 (Selasa) jam 10 pagi bertempat di Hotel Equatorial Melaka.

Advance Pact Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat Malaysia yang menyediakan perkhidmatan perundingan menyeluruh produk penjagaan kesihatan di Malaysia, Asia Pasifik, Asia Barat dan Timur Tengah dan diketuai oleh En. Shamsulbahrin Ludin, Pengarah Urusan Advance Pact Sdn. Bhd. manakala Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Negeri Melaka yang menyediakan perkhidmatan perundingan dalam penyelidikan dan pembangunan bidang bioteknologi dan diketuai oleh Prof. Dr. Ramli Hitam, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Pengarah Urusan Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd.

Ketiga-tiga belah pihak pada dasarnya bersetuju untuk memulakan aktiviti kerjasama ke arah penubuhan National Institute of BioMedical Engineering yang mana aktiviti-aktiviti di bawahnya adalah merangkumi pendidikan dan latihan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi penjagaan kesihatan, pusat pakar penyelenggaraan kejuruteraan bio perubatan, menentu ukur dan menguji peralatan perubatan dan mengeluarkan peralatan perubatan.

Melalui kerjasama ini, UTeM dan Advance Pact akan bersama-sama menyediakan sumber-sumber, fasiliti, tenaga kepakaran dan penyelidik dalam bidang yang berkaitan manakala Melaka Biotech Holdings akan menyediakan prasarana untuk perkembangan penyelidikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam ucapannya, Kerjasama antara akademia dengan industri merupakan satu proses interaktif di mana usaha-usaha teknologi dan saintifik di universiti dapat diterjemahkan kepada realiti sebenar ekonomi dan industri.

Beliau juga berharap kerjasama yang diadakan ini akan memberikan faedah kepada pihak yang terlibat kerana bidang ini mempunyai potensi yang sangat luas untuk dikembangkan di negara kita dan seluruh dunia.



## CERAMAH INDUSTRI (IN-TALK MARCH 09) “MATERIALS EVALUATIONS AND NDT INSPECTION IN INDUSTRIAL PRODUCTION”

18 Mac 2009 - Bertempat di Auditorium Canselor, Kampus Induk, telah berlangsungnya Ceramah Industri (In-Talk March 09) yang dianjurkan oleh Pusat Universiti Industri (UNIC).

Ceramah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik Kanan Agensi Nuklear Malaysia, Y. Bhg. Dr. Abdul Aziz Bin Mohamad.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Y.Bhg. Datuk Prof Madya. Dr. Abu Bakar Bin Md Diah. Majlis ini dihadiri oleh kakitangan akademik serta pelajar-pelajar daripada fakulti yang berkaitan.

Dr. Abdul Aziz merupakan graduan lepasan UKM dalam bidang sains fizik sebelum melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana di University of Surrey, United Kingdom. Di sana beliau telah mendalami bidang teknologi NDT (Non-Destructive Testing) sebelum pulang ke tanah air dan berkhidmat untuk Agensi Nuklear Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI).

Pengalaman dan kepakaran Dr. Abdul Aziz dalam bidang teknologi nuklear amat disanjung tinggi di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Beliau terlibat secara langsung di dalam pelbagai aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), latihan lanjutan, penerbitan kertas kerja dan jurnal serta mewakili negara ke mesyuarat saintifik dan teknikal di peringkat antarabangsa. Beliau juga telah dilantik menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa untuk mengendalikan persidangan dan latihan antarabangsa.



Ceramah yang disampaikan oleh beliau pada petang itu adalah berkaitan penilaian bahan, pemilihan bahan, kawalan kualiti serta teknologi NDT yang digunakan di dalam sektor perindustrian. Penerangan beliau disertai dengan contoh-contoh aplikasi NDT yang digunakan di dalam industri ternyata telah menarik minat para hadirin.

Ceramah Industri ini adalah salah satu usaha universiti untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan penyelidikan dengan kerjasama pihak industri. Warga universiti berpeluang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada individu penting dalam industri.

Sesi soal jawab menyusul selepas sesi ceramah dan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada Dr. Abdul Aziz telah dilakukan oleh Pengarah UNIC, Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi.

## LAWATAN PENYELIDIKAN UTeM KE SEKOLAH MENENGAH TAMAN SERAYA, AMPANG

Oleh : Juan Rizal Saari

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah telah mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya (SMKTS) pada 27 Mac 2009. Lawatan ini adalah bertujuan melihat sendiri model produk dan beberapa prototaip yang telah dihasilkan. Lawatan ini juga bertujuan untuk menjalankan kerjasama penyelidikan jika bersesuaian antara UTeM dan SMKTS. Menurut Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah didapati hasil produk penyelidikan pelajar SMKTS amat kreatif dan jika diberi sedikit nilai tambah produk ini boleh dibuat prototaip dan boleh dikomersilkan.

Antara produk yang sangat menarik perhatian adalah Duo Blend, Solar Energy Fan Vacuum Cleaner yang dipanggil Suka'me, Trendy Blend, Smart Cleaner, Techno Clean, Easy Cute Blend, Uncle Chopp, Wonderbug dan Pit Pit Woodhi. Kesemua produk inovasi ini telah memberi nilai tambah kepada produk yang sedia ada yang boleh digunakan sebagai keperluan harian. Produk ini juga dapat menyelesaikan masalah semasa dan menjadi produk mudah digunakan dan menarik.

Datuk Prof Madya Dr. Abu Bakar mendapat banyak kerjasama yang dapat dilakukan antara UTeM dan SMKTS. Antara bantuan yang boleh diberikan oleh UTeM adalah pakar penasihat produk inovasi di mana UTeM boleh membuat "match making" antara penyelidik UTeM dan pelajar yang terlibat. Ini kerana UTeM mempunyai banyak tenaga pakar dan penyelidik untuk membuat kerja-kerja penambahbaikan terutama dari segi keperluan teknikal. Ini kerana UTeM mempunyai lima fakulti yang mempunyai hubung kait dengan produk penyelidikan di SMKTS. Fakulti yang berkemungkinan terlibat dengan penasihat pakar teknikal ini adalah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Lawatan ini adalah susulan daripada laporan akhbar Mingguan Perdana bertarikh 23 Mac 2009 yang bertajuk "Pelajaran Reka Cipta Lahir Ramai Generasi Inovatif Pelajar SMKTS, Ampang".

Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar amat berharap kerjasama ini dapat dipercepatkan bersesuaian dengan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia melahirkan pelajar yang berinovasi dan kreatif. Kerjasama dengan universiti adalah perlu di mana setiap modal insan dapat digunakan untuk tujuan mendalami teknologi pembuatan produk untuk kegunaan masa hadapan. Adalah diharapkan pada masa hadapan produk inovasi SMKTS dapat dikomersilkan melalui syarikat besar atau melalui IKS.



## PERARAKAN MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1430H PERINGKAT NEGERI MELAKA

Oleh : Mohd Firdaus bin Abu Bakar

Seramai 50 orang warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menyertai perarakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Melaka yang diadakan pada 9 Mac 2009 bersamaan 12 Rabiulawal 1430H bertempat di Stadium Hang Tuah sehingga ke Masjid Al-Azim, Melaka.



Perarakan ini disertai badan kerajaan, swasta, sekolah, pertubuhan-pertubuhan dakwah dan lapisan yang lain. Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Y.Bhg. Prof. Madya Muhammad Shahrir bin Johal juga telah turut serta semasa perarakan tersebut sebagai ahli kontjen UTeM.

Perarakan tersebut dirasmikan oleh T.Y.T Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Turut serta semasa perarakan tersebut isteri TYT, Ketua Menteri Melaka dan isteri, Mufti Negeri Melaka, dan beberapa orang kenamaan. Objektif perarakan tersebut adalah memupuk rasa cinta kepada Rasulullah S.A.W dan perjuangan baginda oleh warga universiti agar benar-benar menghargai pengorbanan baginda. Seterusnya mencontohi dan mengamalkan sifat keperibadian Rasulullah S.A.W. Selain itu, mewujudkan semangat kerjasama dan hubungan mesra di kalangan warga universiti yang mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dijalankan.

Perarakan berakhir di Masjid Al-Azim pada jam 11.30 pagi dan kontinen UTeM berasa gembira dapat menyertai perarakan tersebut. Para peserta menaiki bas yang disediakan pulang ke Kampus Industri selepas menikmati jamuan yang disediakan oleh pihak pengangur pada jam 12.30 tengah hari.



## CERAMAH SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1430H




Oleh : Mohd Firdaus bin Abu Bakar

Pusat Islam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menganjurkan Ceramah Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1430H yang diadakan pada 20 Mac 2009 bersamaan 23 Rabiulawal 1430H bertempat di Auditorium Bangunan Canselor.

Majlis ini mendapat kerjasama secara langsung dari staf setiap Pusat Tanggungjawab, Majlis Perwakilan Pelajar, Badan Dakwah Dan Kerohanian (BADAR) dan Staf SUKSIS. Lebih 100 orang telah menghadiri majlis ini bagi mendengar ceramah yang telah disampaikan oleh penceramah terkenal, Dr. Rubiah binti Kulop Hamzah. Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1430H ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan,. Turut hadir tetamu VVIP isteri Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (A&A) dan isteri serta Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan pasangan.

Ceramah oleh Dr. Rubiah ini telah menyentuh mengenai sikap-sikap terpuji yang ditunjukkan oleh junjungan besar, Nabi Muhammad SAW dalam berjuang meningkatkan syiar Islam tanpa pernah berputus asa. Sifat-sifat baginda ini wajar dicontohi dan diamalkan dalam seluruh kehidupan sehari-hari kita. Dr. Rubiah juga telah berjaya menyampaikan dengan baik betapa sayangnya Rasulullah SAW kepada umatnya maka ia haruslah dibalas dengan ingatan dan keimanan oleh semua umatnya.

Peserta-peserta juga diberi soalan-soalan kuiz mudah berkenaan Rasulullah SAW dalam majlis tersebut. Ceramah berakhir pada jam 12.30 tengah hari dan para jemputan menikmati jamuan yang disediakan oleh pihak pengangur.



## LAWATAN MAJLIS PEMUAFAKATAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU DAERAH MELAKA TENGAH (MAPIM) KE UTeM



Pada 14 April 2009 (Selasa) jam 3.00 petang, Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Daerah Melaka Tengah telah mengadakan satu sesi lawatan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM. Lawatan tersebut adalah sempena Mesyuarat Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Daerah Melaka Tengah bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM. Delegasi diketuai oleh Yang Dipertua MAPIM Daerah Melaka, Tengah Tuan Haji Osman bin Haji Ismail, telah diberi taklimat mengenai perkembangan pembangunan Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal oleh Encik Abdul Wahab bin Harun selaku Arkitek Landskap Kanan daripada Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset, UTeM.

Menurut Tuan Haji Osman, lawatan tersebut adalah bertujuan untuk MAPIM yang diwakili oleh ibu bapa dan guru yang terdiri daripada 30 buah sekolah menengah dan rendah sekitar Melaka Tengah mengenali dengan lebih rapat UTeM yang merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam di Melaka. Beliau juga menyatakan bahawa ini adalah salah satu aktiviti lawatan ke Institusi Pengajian Tinggi di seluruh Negeri Melaka oleh pihak MAPIM di mana maklumat perkembangan akademik, penawaran kursus-kursus baru dan peluang-peluang pembelajaran dapat disampaikan bukan hanya kepada murid-murid sekolah malah kepada ibu bapa dan guru mereka. Beliau amat berterima kasih kepada pihak UTeM kerana sudi menerima kunjungan daripada pihak MAPIM dan berharap peluang dan maklumat yang telah diberikan oleh pihak Universiti ini akan dapat dihebahkan ke seluruh sekolah menengah dan rendah di Negeri Melaka khususnya daerah Melaka Tengah.



## Majlis Makan Malam UTeM bersama MEDIA

Oleh : Bob Faizeli Mohamed Din



**29 April 2009** : Bertempat di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh, telah berlangsungnya Majlis Makan Malam UTeM Bersama Media yang dianjurkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat (BPAK), Pejabat Canselor.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan kepada pengamal media cetak dan elektronik khususnya di Melaka di atas kerjasama dan sokongan padu terhadap UTeM. Menurut Pengarah BPAK, Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff, majlis yang julung kali diadakan di Melaka ini bertujuan untuk merapatkan hubungan kerjasama yang sedia ada selain dapat bertukar-tukar pendapat serta mewujudkan rangkaian kenalan di antara kakitangan UTeM dengan pihak media.

Pihak media yang hadir pada malam itu turut diraikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah, Dekan-dekan fakulti serta Pengarah-pengarah Pusat. Hadir sama pada majlis ini ialah Presiden Kelab Media Massa Melaka, En. Mohd Raffi bin Bachik.

Naib Canselor UTeM, di dalam ucapan aluannya melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga di atas kesungguhan pihak media yang tidak putus-putus membuat liputan terhadap pelbagai acara yang dianjurkan serta kejayaan yang dicapai oleh UTeM untuk tatapan umum. Beliau juga mengharapkan agar jalinan kerjasama yang kukuh ini dapat diteruskan sepanjang masa. .

Dalam pada itu, Presiden Kelab Media Massa Melaka, En. Mohd Raffi Bin Bachik turut merakamkan ucapan penghargaan kepada UTeM kerana berjaya menganjurkan majlis seperti ini yang boleh dijadikan sebagai landasan untuk berinteraksi serta berkongsi pandangan dengan pengamal media. Beliau juga mengalu-alukan sebarang aktiviti bersama media dan turut menjemput UTeM berkunjung ke Pejabat Kelab Media Massa Melaka yang baru di Rumah Media, MITC Ayer Keroh.

Para tetamu yang hadir pada majlis makan malam tersebut dimulakan dengan Persembahan Multimedia yang memaparkan aktiviti-aktiviti media bersama UTeM. Jamuan makan malam turut diselang-selikan dengan acara cabutan bertuah. Di akhir majlis, para tetamu yang hadir mengambil kesempatan menunjukkan bakat terpendam di dalam sesi berkaraoke.



## PRODUK PENYELIDIKAN UTeM MENDAPAT PENGIFTIRAFAN DI PERSIDANGAN IKS BUMIPUTERA 2009

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai pameran IKS yang telah diadakan di PWTC Kuala Lumpur pada 10 hingga 11 Mac 2009 yang lalu. Persidangan ini dikenali sebagai Persidangan Kebangsaan Bumiputera IKS 2009 yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama College Of Business (COB) Universiti Utara Malaysia. Sebanyak enam produk penyelidikan UTeM yang di pamerkan dan dua daripada produk tersebut telah dipilih untuk dibentangkan dalam persidangan tersebut dengan tujuan untuk mencari syarikat untuk mengkomersilkan produk tersebut.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Datuk Prof. Madya Abu Bakar Bin Mohamad Diah, dua projek yang telah dipilih untuk dibentangkan semasa hari kedua persidangan iaitu "Automatic Tyre Pressure Controller (TPC)" yang dicipta oleh beliau sendiri bersama pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal En. Sivarao Subramaniam dan ciptaan Prof. Dr. Md Dan Md Palil, Phangsokorn a/l Prak Tom dan Mohd Yuhazri Yaakob dengan ciptaan "Work, Exercise and Relaxchair (WERCHAIR)". Kedua-dua produk penyelidikan ini telah diberi pengiktirafan keahlian manakala kedua-dua penyelidik produk tersebut telah diberi pengiktirafan Senior Members oleh Academy of Malaysian SMEs yang disampaikan oleh Dato' Musa Bin Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Selain daripada produk untuk pembentangan semasa persidangan, empat produk lagi telah dipamerkan selama dua hari persidangan tersebut. Produk penyelidikan yang telah dipilih ialah Deco Helmet, Heavy Duty Stair Climber Trolley, Kenaf Fiber Plate dan Rich Athletic Track yang mana pameran ini telah diketuai oleh Prof. Dr. Md Dan Bin Md Palil.

Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar juga telah dipilih sebagai Pengurus Forum Usahawan Pengkomersilan Hasil Penyelidikan yang telah diadakan pada hari kedua persidangan yang mana Ahli Panel terdiri daripada Dato' Prof. Dr. Hassan Yaacob daripada Healwell Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd dan Dato' Dr. Noordin Darus daripada World Wellness Network Sdn Bhd. Persidangan IKS Bumiputera 2009 telah dirasmikan oleh YB Dato' Noh Bin Hj. Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh Dato' Musa Bin Mohamad laitut Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.



## KEM UNIVERSAL SIRI KE-6 PADAT DENGAN AKTIVITI MENARIK

Oleh : Mohd Nizam Mazlan

**16 Mac 2009** – Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik (SAFE) dengan kerjasama Pentadbiran Fakulti merasa bangga dan bertuah kerana telah berjaya menganjurkan Kem Universal Siri ke 6 pada 13-15hb Mac 2009 yang lalu bertempat di Mutiara Motors Resort, Tanjung Sedili Kechil, Kota Tinggi, Johor. Program pada siri kali ini yang berkonsepkan penjanaan minda 'kreatif dan inovatif' melalui gerak kerja berkumpulan ini telah berjaya menghimpunkan wakil pelajar daripada setiap kursus berjumlah 50 orang dengan dibantu oleh beberapa orang staf Fakulti sebagai urus setia dan fasilitator.

Bertemakan 'Minda Kreatif, Jurutera Berkaliber', program yang sarat nilai ini dimulakan dengan taklimat program oleh Ketua Fasilitator yang cukup berpengalaman, En. Asri bin Din, seterusnya dilikuti dengan sesi suaikenal atau lebih dikenali sebagai ice breaking. Rata-rata pelajar telah memberikan perhatian dan kerjasama sepenuhnya kepada fasilitator dalam memastikan sesi tersebut berjalan lancar tanpa menghiraukan penat lelah di sepanjang empat jam perjalanan untuk sampai ke destinasi. Tambahan pula kepelbagaiannya aktiviti melibatkan latar belakang pelajar yang berbeza disemarakkan lagi dengan pengisian Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang menarik membuatkan pelajar rasa terhibur di sepanjang program berjalan.

Antara aktiviti yang mencuri tumpuan adalah acara Paipku Bocor Lagi dan Bahasa Robot. Dalam permainan Paipku Bocor Lagi, para pelajar perlu sepakat berbincang sesama ahli kumpulan dan belajar membuat keputusan yang bijak dalam waktu yang terbatas untuk mencapai matlamat yang satu laitut mengeluarkan bola-bola pingpong dengan mengisi air ke dalam struktur paip yang dibina dalam waktu yang paling pantas. Kumpulan yang berjaya adalah mereka yang mampu membuat struktur paip terbaik daripada pecahan paip-paip PVC yang bukan sahaja berbeza saiz dan bentuk bahkan terdapat kebocoran-kebocoran kecil pada dindingnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Manakala dalam acara Bahasa Robot, pelajar diuji dengan dua bentuk kemahiran iaitu komunikasi berkesan dan rekacipta unggul. Pelajar dikehendaki berkomunikasi dengan robot yang direka dengan menggunakan satu suku kata sahaja untuk setiap satu arahan pergerakan di mana arahan tersebut bukanlah menggunakan Bahasa Malaysia tetapi bahasa robot khas yang telah dipersetujui. Markah bonus turut diberi kepada kumpulan yang mampu menyiapkan kostum paling kreatif untuk robot masing-masing dengan sumber dan waktu yang terhad. Ini bukanlah sesuatu yang mudah bahkan cukup menguji minda, kecekapan dan kemahiran pelajar itu sendiri.

Menurut Exco Persatuan merangkap Pengarah Program, Cik Hafizah Md Nor, pihak persatuan berhasrat untuk mengadakan siri seterusnya pada semester akan datang dalam memastikan kesinambungan berterusan demi memartabatkan nama persatuan dan juga Fakulti.



## UTeM ANJUR KEJOHANAN OLAHRAGA ANTARA JABATAN

Kejohanan Olahraga Antara Jabatan telah berlangsung dengan meriah di Kompleks Sukan, Kampus Induk, UTeM Durian Tunggal pada 28 Mac 2008. Kejohanan ini adalah merupakan salah satu acara pertandingan dalam Temasya Sukan Antara Jabatan UTeM pada tahun ini. Menurut Pengarah Sukan UTeM, Hj. Ismail bin Abdol Jalil, tahun ini 13 pasukan telah bertanding iaitu gabungan daripada Pusat Tanggungjawab yang terdapat di UTeM.

Kejohanan sehari ini melibatkan 11 acara padang dan balapan dipertandingkan. Antaranya termasuk 100 meter, 200 meter, 400 meter, 800 meter, 1,500 meter, 4x100 meter, 4x400 meter, Lompat Jauh, Lontar Peluru, Lempar Cakera dan Rejam Lembing. Tiga kategori diadakan bagi setiap acara iaitu lelaki dan wanita senior dan veteran.

Selain kejohanan olahraga, acara badminton, pingpong , bola sepak, dart, boling, tenis, bola tampar, futsal, karom, bola jaring dan sepak takraw juga dipertandingkan secara berperingkat-peringkat sejak 14 Februari 2009 dan akan berakhir pada 30 April 2009 iaitu perlawanan akhir perlawanan akhir badminton. Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan turut mewakili pasukan Canselori dalam acara Ping Pong dan Sepak Takraw.

Sukan Antara Jabatan UTeM merupakan acara tahunan bagi menggalakkan staf UTeM bergiat dalam aktiviti riadah disamping menjaga kesihatan walaupun dalam kesibukan tugas harian di pejabat . Ia juga dilakukan bagi memupuk semangat kesukanan dan berkenalan antara sesama staf. Sukan ini dilihat sebagai latihan awal dan mencari bakal atlet untuk mewakili UTeM ke Sukan Universiti yang dijadualkan pada Jun 2009 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Sukan Universiti-universiti Teknikal (MTUN Sports Meet) yang akan datang.

Pada Kejohanan MTUN Sport Meet tahun lalu, UTeM muncul juara keseluruhan di antara ke empat-empat universiti teknikal iaitu UMP, UNIMAP dan UTHM. Bagi Kejohanan Sukan Antara Universiti, pasukan bola jaring UTeM kekal juara selama 5 tahun berturut-turut katanya lagi. Semoga dengan Kejohanan Olahraga yang telah diadakan ini akan dapat mengasah bakat bersukan daripada kalangan staf yang menyertai acara-acara yang dipertandingkan.



## PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR

Program Rekreasi Naib Canselor diteruskan dengan penglibatan staf daripada Pusat Pengajian Siswazah, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan serta Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta Siri yang seterusnya bersama Pejabat Pendaftar. Program yang kali kedua dan ketiga dianjurkan seumpamanya ini dipelbagaikan dengan aktiviti berjoging, berbasikal dan berjalan laju.

Para peserta dilihat bersemangat untuk menamatkan sesi riadah masing-masing di samping dapat melihat keindahan Kampus Induk yang dikelilingi oleh pemandangan hijau bukit-bukau. Tambah menarik dengan kehadiran Naib Canselor yang turut bersama turun padang dan beriadah bersama para staf.

Majlis tersebut yang bermula pada jam 8.00 pagi berakhir pada kira-kira jam 10.30 pagi dengan sesi penyampaian hadiah untuk acara kuiz dan sarapan bersama-sama Naib Canselor.

